

15/01/2002

Parti politik berasaskan kekecewaan singkat usia

SEJARAH sejak negara mencapai kemerdekaan menunjukkan penubuhan sesebuah parti serpihan daripada Umno tidak akan dapat bertahan lama. Pada 1989, Parti Melayu Semangat 46 (Semangat 46) ditubuhkan selepas Umno diisytiharkan tidak sah setahun sebelum itu. Dengan gagasan perjuangan yang bermirip kepada Umno sekalipun, Semangat 46 akhirnya bubar selepas pilihan raya umum 1995. Dikepalai oleh presidennya, Tengku Razaleigh Hamzah, ahli parti berkenaan yang asalnya bernaung di bawah lembayung Umno, beramai-ramai kembali menyertai Umno demi perpaduan Melayu. Hari ini kita menyaksikan mereka bukan saja bertaut kembali dengan Umno, malah diterima menjadi pemimpin dalam kerajaan.

Andainya parti serpihan seperti Semangat 46 yang sebelumnya 'berkerat rotan berpatah arang' dengan Umno memilih haluan untuk kembali ke pangkal jalan, bagaimana mungkin Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang gagasan perjuangannya hanya untuk membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan mengangkatnya menjadi Perdana Menteri, dapat bertahan lama. Semakin hari semakin jelas bahawa banyak parti pembangkang yang akhirnya gagal berjuang di bawah panji-panji mereka sendiri, dan Keadilan tidak terkecuali kerana sudah menjadi lumrah bahawa parti serpihan tidak mempunyai matlamat perjuangan kukuh, sebaliknya hanya bersandarkan kekecewaan segelintir individu tertentu.

Sesingkat usia tiga tahunnya, apa yang tidak dicuba Keadilan untuk menagih sokongan - daripada demonstrasi jalanan berikutan pemecatan Anwar hinggalah bantahan terhadap hukuman penjara ke atasnya. Kemudian, timbul pula usaha mendesak beberapa diplomat asing untuk mengenakan tekanan agar Anwar dibenarkan menjalani rawatan di luar negara. Diselangi tindakan memburukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Amerika Syarikat dan Eropah, penyokong Anwar pula menggunakan sebuah firma di Washington, Janus Meritt Strategy (JMS), bagi memastikan tindakan memenjarakan beliau menjadi agenda utama antarabangsa serta untuk mengenakan tekanan ekonomi terhadap Malaysia. Tiada satu pun antara langkah berkenaan yang menepati matlamat mereka.

Keputusan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas, 21 Julai lalu, serta pilihan raya negeri Sarawak, 27 September lalu, terus menyerlahkan hakikat bahawa isu pembebasan Anwar tidak lagi diendahkan. Kini, di tengah kehangatan kempen menjelang pilihan raya kecil DUN Indera Kayangan, semakin ramai ahli Keadilan meninggalkan parti itu. Di sebalik laungan 'reformasi' sudah lama tenggelam, mereka yang keluar dari parti itu sebenarnya didorong oleh kesedaran bahawa Keadilan tidak mempunyai hala tuju, kecuali perjuangan rapuh untuk memperjuangkan nasib seorang individu semata-mata.

Perjuangan parti yang tidak mempunyai asas, matlamat dan agenda untuk kepentingan rakyat tidak boleh selamanya memperdayakan orang ramai. Krisis kepemimpinan berikutan pengunduran tokoh tertentu dan wujudnya sikap berpuak-puak sebagaimana menjadi tontonan dalam perhimpunan agungnya di Kemaman, Terengganu, November lalu, memberi petanda Keadilan tidak akan dapat bertahan. Sebahagian pemimpin yang berjuang pada peringkat awal penubuhan parti itu juga sudah mengasingkan diri. Apakah lagi pilihan yang ada buat parti itu kecuali menyusuli langkah Semangat 46 kerana populariti Keadilan dan tema perjuangannya sudah ketara merosot.

(END)